

SALWANI MD ZAIN salwani@sinarharian.com.my

Persis UniSZA dekati masyarakat memerlukan

Pertubuhan Sukarelawan Siswa (Persis) Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, *1Malaysia For Youth* (IM4U) dan Pejabat Parlimen Balik, Pulau Pinang, menganjurkan Program Sukarelawan Siswa Bersama Komuniti *UniSZACakna* yang diadakan buat julung kalinya di Pulau Pinang.

Program yang dijalankan empat hari tiga malam itu disertai 40 sukarelawan siswa diadakan bertujuan mendekatkan mahasiswa bersama komuniti yang memerlukan di samping menyemarakkan semangat kesukarelawanan dalam kalangan ahli persis UniSZA.

Menurut Pengarah Projek merangkap Timbalan Presiden I, Muhammad Nursyazwan Zainudin yang merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Risiko dan Takaful) program ini dijalankan bagi memberi pendedahan kepada mahasiswa untuk mengetahui dunia luar dan terus mendekati golongan yang memerlukan seperti Rumah Persatuan Kebajikan Rumah Anak Yatim Islam Pulau Pinang dan Rumah Orang Tua Uzur Pulau Pinang.

Katanya, apa yang lebih menarik lagi, program sukarelawan siswa dari Persis UniSZA juga peluang mengedarkan bantuan makanan kepada golongan gelandangan termasuk pelarian yang menetap tepi-tepi bangunan sekitar Georgetown. Aktiviti ini dijalankan dengan kerjasama badan bukan kerajaan (NGO).

Selain itu, Sukarelawan Siswa juga diberi pengalaman untuk mendaki Taman Negara Pulau Pinang di samping mengadakan aktiviti membersihkan Pantai Keracut, Pulau Pinang.

Peserta Program ini, Adi Muizzuddin



Addy Mulia yang merupakan mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Pembangunan Perisian berkata, dia berasa sungguh gembira kerana mendapat banyak pengalaman berguna sepanjang menyertai program ini di saat pelajar lain sedang bercuti semester.

Pengalaman menjalankan aktiviti bersama warga emas yang disertai oleh 222 Warga Emas di rumah kebajikan tersebut adalah pengalaman yang cukup manis buat dirinya yang masih berjinak-jinak dengan bidang kesukarelawanan.

Persis UniSZA diinspirasi oleh Alumni Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) yang merupakan Hak Milik Kementerian Pendidikan Malaysia bermatlamat untuk menjadi hub sukarelawan siswa di UniSZA.

Persatuan ini juga sentiasa menganjurkan program berimpak tinggi kepada komuniti di samping memupuk minat untuk menghulur bantuan dalam kalangan mahasiswa UniSZA.

Persis UniSZA sentiasa menggalakkan kerjasama antara badan kerajaan dan badan bukan kerajaan untuk menganjurkan program-program komuniti dalam mendidik semangat kesukarelawanan kalangan ahli selari dengan hasrat Naib Canselor UniSZA, Prof Datuk Dr Yahaya Ibrahim untuk menjadikan UniSZA sebagai Universiti Komuniti.

Universiti awam dan swasta serta IPTA/ IPTS yang berminat berkongsi cerita menarik, emailkan kepada salwani@sinarharian.com.my